

Pencemaran di Sungai Keluang

# Bau busuk, meloyakan

Tinjauan dapati cecair berbuih putih dilihat keluar dari saluran loji IWK

Oleh Siti Sofia Md Nasir  
siti.sofia@bh.com.my

**Georgetown:** Busuk dan meloyakan.

Itu keadaan air Sungai Keluang dalam Zon Perindustrian Bayan Lepas dekat sini, hasil tinjauan *BH* yang mengesan ada cecair berbuih putih dan tempokan hitam jelas kelihatan.

Banyak cecair berbuih putih dilihat keluar dari satu saluran, yang terletak bersebelahan loji rawatan kumbahan milik Indah Water Konsortium (IWK).

Cecair itu kemudian mengalir dan menghasilkan cecair buih putih itu terletak kurang 400 meter dari Jeti Nelayan Sungai Keluang, yang sudah wujud sejak lebih 20 tahun lalu.

Lebih menyedihkan, saluran yang menghasilkan cecair buih putih itu terletak kurang 400 meter dari Jeti Nelayan Sungai Keluang, yang sudah wujud sejak lebih 20 tahun lalu.

Nelayan, Johari Mohd Saad, 50, berkata, hasil pemerhatiannya mendapati banyak ikan mati, se-



**“Kami pun tidak tahu apa kandungan cecair itu, tetapi dalam tempoh beberapa jam selepas ia keluar, semua ikan akan timbul (mati). Kami percaya ia punca banyak ikan mati.”**

**Johari Mohd Saad,**  
Nelayan



**Sungai Keluang dalam Zon Perindustrian Bayan Lepas dekat Georgetown, kotor dan busuk.** (FOTO Mikail Ong/BH)

lepas cecair berbuih putih itu disalurkan ke Sungai Keluang.

“Kami pun tidak tahu apa kandungan cecair itu, tetapi dalam tempoh beberapa jam selepas ia keluar, semua ikan akan timbul (mati), termasuk ikan talapia yang dikenali sebagai ikan tahan lasak.

“Buih putih itu keluar tak tentu masa, kadang-kadang pagi, kadang-kadang tidak keluar dua hari. Namun, kami percaya ia punca banyak ikan mati,” katanya ketika ditemui *BH*, semalam.

Seorang lagi nelayan, Abu Bakar Hamzah, 52, berkata cecair itu

mengalir sejak lebih lima tahun lalu dan puncanya dipercayai dari loji kumbahan IWK.

“Saya bukan mahu tuduh, tetapi buih putih itu memang dari loji. Kadang-kadang ia turut keluar-kan tempok hitam.

“Sedih lihat banyak ikan terapung, terutama anak ikan bulan kerana ikan bulan lambat besar. Apabila anak ikan mati, ia sukar membiak,” katanya.

Sementara itu, petugas di pejabat IWK negeri ketika dihubungi memaklumkan, pegawai bertanggungjawab tiada di pejabat, manakala usaha mendapatkan re-

aksi Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri tiada maklum balas setakat waktu pejabat semalam.

*BH* juga cuba mendapatkan pandangan beberapa pakar berkaitan mengenai cecair berbuih putih berkenaan, namun mereka memaklumkan tidak dapat membuat rumusan selagi sampel cecair itu tidak dibawa untuk ujian makmal.

Untuk rekod, pencemaran Sungai Keluang pernah disuarakan Sahabat Alam Sekitar (SAM) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) sejak dua tahun lalu.